

# 3,291 terima rebat basikal

**Kuala Lumpur:** Seramai 3,291 pelajar baru Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi 2013/2014 layak mendapatkan skim rebat pembelian basikal berjumlah RM300 setiap seorang.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, skim pertama kali dilaksanakan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di seluruh negara itu sebahagian usaha ke arah menjadikan UPM sebagai sebuah kampus hijau.

Menurut beliau, ia juga bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan mengurangkan pelepasan gas karbon dioksida oleh kenderaan bermotor di dalam kampus selain membudayakan amalan hijau dalam kalangan mereka.

“UPM bekerjasama dengan KUPUTRA (Koperasi Universiti Putra Malaysia) mendapatkan harga basikal lebih murah dari pasaran iaitu antara RM400 hingga RM500 sebuah.

“Jika harga basikal RM400, pelajar hanya perlu bayar RM100 dan setiap semester kami akan beri rebat RM50 selama enam semester menjadikan keseluruhan rebat diberi RM300,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas melancarkan skim rebat berkenaan sempena Majlis Ikrar Pelajar Baru Semester Pertama Sesi 2013/2014 di Dewan Besar UPM di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohamad Shatar Sabran.

Mengenai kemudahan lorong basikal di IPTA itu Mohd Fauzi berkata, zon akademik telah 100 peratus dilengkapi dengan laluan basikal dan pelajar hanya perlu mengayuh selama tiga minit untuk bergerak ke zon pentadbiran dan kolej.

Pada majlis itu, UPM juga mengedarkan 3,291 bekas makanan dan minuman percuma jenama Tupperware kepada semua pelajar bagi mengurangkan penggunaan polisterina di kafe-teria kampus.

“Dengan menggunakan bekas itu mengisi makanan dan minuman yang dibeli di dalam kampus, pelajar layak mendapatkan diskaun sebanyak 20 sen,” tambah Mohd Fauzi.